



PEJABAT TIMBALAN KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA
OFFICE OF DEPUTY DIRECTOR-GENERAL OF EDUCATION MALAYSIA
SEKTOR OPERASI SEKOLAH
SCHOOL OPERATIONAL SECTOR
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA
ARAS 4 BLOK E2, KOMPLEKS E
LEVEL 4 BLOCK E2 COMPLEX E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
FEDERAL GOVERNMENT ADMINISTRATIVE CENTRE
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : +603-8884 9302
Faks : +603-8888 6680
Website : <http://www.moe.gov.my/>

Ruj. Kami : KPM.100-1/3/1 Jld. 4 (7)
Tarikh : 08 November 2020

Semua Pengarah Pendidikan Jabatan Pendidikan Negeri

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

PEMAKLUMAN PELAKSANAAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DI RUMAH

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk dan sidang media YB Menteri Kanan Pendidikan berhubung Pengoperasian Institusi Pendidikan Di Bawah KPM serta Peperiksaan Awam Tahun 2020 bertarikh 8 November 2020 adalah berkaitan.

2. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memutuskan bahawa semua sekolah termasuk Kolej Vokasional (KV) di bawah KPM di negeri-negeri yang dilaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) ditutup bermula pada 9 November 2020 sehingga ke hari akhir persekolahan tahun ini iaitu pada 17 Disember 2020 bagi negeri Kumpulan A dan 18 Disember 2020 bagi negeri Kumpulan B. KPM juga memutuskan bahawa semua sekolah di negeri Kelantan, Pahang, Perlis dan Sarawak turut ditutup. Langkah ini diambil bagi membantu usaha Kerajaan memutuskan rantai penularan jangkitan wabak COVID-19.

3. Sepanjang tempoh penutupan tersebut, pengajaran dan pembelajaran akan tetap diteruskan secara *Home-based Learning* mengikut kesesuaian guru dan murid. Pentadbir sekolah/KV di negeri yang dilaksanakan PKPB atau bukan PKPB perlu memastikan guru serta murid melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR). Di sepanjang tempoh ini, guru hendaklah bekerja dari rumah (BDR). Semua guru dikehendaki berada di stesen tempat bertugas masing-masing dan sentiasa bersedia sekiranya diarah hadir bertugas mengikut arahan Ketua Jabatan. Guru perlu melaksanakan PdPR dan tidak perlu hadir bertugas di sekolah/KV mengikut jadual harian seperti biasa. Jika sekiranya bahan PdP berada di sekolah/KV dan talian Internet di sekolah/KV yang lebih baik, guru dibenarkan berada di sekolah. Kehadiran ke sekolah adalah berdasarkan arahan Ketua Jabatan serta mematuhi semua SOP yang ditetapkan.


Sila catatkan rujukan Pejabat ini apabila berhubung

4. Sehubungan dengan itu, YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan perlu mengambil tindakan segera berhubung perkara di atas. Segala perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan berhubung perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



HAJI ADZMAN BIN TALIB

Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
(Sektor Operasi Sekolah)

merangkap Timbalan Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru
Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k.

1. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
2. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
3. Semua Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
4. Semua Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
5. Semua Pengarah Bahagian
Kementerian Pendidikan Malaysia